

LOGO RASMI UniMAP

Oleh : Bimazlim Bidin

PENERANGAN LOGO



Warna BIRU, KUNING dan PERAK ialah warna korporat UniMAP. Biru membawa maksud alam, harmoni, disiplin dan bidang kejuruteraan. Warna Perak mencerminkan teknologi tinggi, keperkasaaan dan keikhlasan sementara warna Kuning melambangkan kecemerlangan, kedaulatan, kejayaan dan hayat kehidupan.

Bentuk separa-oval dikaitkan dengan elemen unsur sains dan teknologi, atom, orbit dan globalisasi. Terdapat 14 bulatan kuning kecil di dalam segitiga sama yang melambangi 14 buah negeri di Malaysia. Titik-titik berpadu ke pelbagai arah, khususnya ke utara, dalam posisi menyahut wawasan, mendepani pelbagai situasi dan cabaran.

Tiga lapisan perak yang bertanda arah mewakili nilai teras UniMAP iaitu ILMU, KEIKHLASAN & KECEMERLANGAN. Lapisan itu juga memaparkan aspek keseimbangan antara alam dengan kejuruteraan, kedinamikan dan ketenagaan.

PENERANGAN LOGOTAIP UniMAP

UniMAP ialah singkatan bagi Universiti Malaysia Perlis. Penggunaan warna biru untuk huruf "U" dan "MAP" merupakan warna asas universiti yang membawa maksud alam, harmoni, disiplin dan bidang kejuruteraan.

Pemilihan jenis huruf bagi "U" dan "MAP" adalah dari jenis :-

Aurora Bdcn BT – **UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

Segi tiga warna perak di penjuru atas huruf U, M dan P membawa maksud tiga nilai teras UniMAP yang menjadi tonggak universiti iaitu ILMU, KEIKHLASAN & KECEMERLANGAN.

Huruf "ni" dalam bentuk artistik berwarna kuning dengan garis bentuk berwarna biru menjadi pengantara huruf "U" dan "MAP" membawa maksud Nilai Insan yang mulia.

Pemilihan jenis huruf bagi "U" dan "MAP" adalah dari jenis :-

Mistral BT – *ni*

Pada keseluruhannya logotaip UniMAP 8versiti ini tetap berpegang pada nilai dan falsafah asal penubuhannya dahulu.



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

Pada 17 Mac 2017, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) melancarkan logo tambahan UniMAP dengan nama Universiti Malaysia Perlis di sebelah logo asal.

Pemilihan jenis huruf bagi "UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS" adalah dari jenis :-

Colaborate – Bold – **UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

Pelancaran tersebut dibuat bersempena genapnya usia 10 tahun selepas dijenamakan semula dari Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM), 1 Februari 2007 yang lalu.

Menurut Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, pelancaran logo baharu ini juga adalah selaras dengan penggunaan dan fungsinya yang semakin meluas.

UniMAP pada tahun 2017 telah mencecah usia 10 tahun jika diambil dari tarikh penjenamaannya. Justeru logo tambahan ini akan lebih menyerlahkan imej korporat UniMAP samada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Pelancaran logo baharu ini juga mengambilkira untuk mengurangkan kekeliruan masyarakat yang mengaitkan UniMAP dengan universiti awam lainnya.

